



NOTIS MAKLUMAN

PENAMBAHBAIKAN BORANG PERSARAAN/ TAMAT PERKHIDMATAN BAGI PESARA JABATAN HAL EHWAL VETERAN (JHEV) (LAMPIRAN C)

Berkuatkuasa **1 September 2025**, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah membuat penambahbaikan ke atas **Borang Pemberitahuan Persaraan/ Tamat Perkhidmatan (Lampiran C) versi DC/2025(3)/APP(Lamp.C)** untuk bakal pesara di bawah **Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) sahaja**.

Sehubungan itu, semua bakal pesara JHEV dikehendaki untuk **melengkapkan dan mengemukakan borang berkenaan kepada LPPSA dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh persaraan**.

Sila ambil perhatian:

Borang ini **tidak terpakai** bagi pesara di bawah **Jabatan Perkhidmatan Awam (Skim Berpencen)** berikutan pengintegrasian sistem antara LPPSA dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

29 OGOS 2025